

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG  
(BUKIT MERTAJAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.10.2015**

**Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah GST yang dikutip sejak bulan April 2015 mengikut pecahan bulan, industri dan negeri. Sila nyatakan sama ada jumlah ini mengikut ramalan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan pembentangan Bajet 2015 yang lalu, Kerajaan menjangkakan anggaran kutipan hasil GST bagi tahun 2015 untuk tempoh 9 bulan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015

adalah sebanyak RM23.2 bilion. Namun, pelbagai barang dan perkhidmatan telah dikecualikan atau dikenakan GST pada kadar sifar yang keseluruhannya dianggarkan sebanyak RM3.8 bilion. Ini ditambah lagi dengan pakej bantuan cukai dan bantuan bukan cukai seperti BR1M yang berjumlah RM4.9 bilion. Pakej bantuan cukai adalah seperti pengurangan kadar cukai pendapatan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan untuk individu. Bagi syarikat, kadar cukai dikurangkan satu mata peratusan daripada 25% kepada 24% dan syarikat kecil dan sederhana (PKS) dikurangkan satu mata peratusan daripada 20% kepada 19%. Kadar cukai pendapatan koperasi juga dikurangkan satu hingga dua mata peratusan mulai tahun taksiran 2015. Ia juga termasuk jumlah pemansuhan SST sebanyak RM13.8 billion.

Walau bagaimanapun, hasil GST dijangkakan lebih tinggi daripada ramalan awal disebabkan bilangan yang berdaftar di bawah GST melebihi sasaran kerajaan. Sehingga 14 Oktober 2015, pendaftaran di bawah GST adalah sebanyak 391,543.

GST adalah sebahagian daripada cukai tidak langsung seperti mana